

11 AUG 1997

## RINGGIT JATUH KE PARAS PALING RENDAH SEJAK 1994

Oleh: Minggu Simon Lhasa & Jefri Rifaee

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Ringgit hari ini jatuh ke paras paling rendah sejak 1994, dan pasaran saham tempatan turut menjunam sementara para penganalisis tidak menolak keadaan akan menjadi lebih teruk lagi.

"Saya tidak mempunyai alat peramal," kata pengerusi eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusoff hari ini bila ditanya bila pasaran saham akan bangkit semula.

Sejak awal bulan ini, pengukur pasaran BSKL, Indeks Komposit, telah jatuh 100 mata; ia memecah paras 900 hari ini kerana kedudukan ringgit yang begitu lemah.

Pada satu ketika ringgit jatuh ke sekitar RM2.74 berbanding satu dolar Amerika sebelum ditutup pada 2.7335/85, paras paling rendah dalam masa lebih tiga tahun.

Para peniaga pasaran tukaran wang asing berkata kejatuhan ringgit hari ini merupakan tindakan susulan kepada kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat.

Dr Mahathir berkata bahawa kerajaan akan membiarkan kuasa pasaran menentukan paras ringgit/dolar AS dan beliau berpuas hati dengan paras ringgit pada pada itu (2.65).

Para peniaga berkata kenyataan Dr Mahathir mungkin telah memberi alasan kepada pemain untuk menjual berikutan satu siri berita yang kurang menyenangkan seperti kebimbangan tentang kadar faedah yang tinggi atas mudah tunai yang ketat, pertumbuhan tinggi dalam bekalan wang dan senario matawang serantau yang pada keseluruhannya lemah.

Banyak ahli ekonomi nampaknya berpendapat bahawa ringgit akan terus lemah pada tempoh masa depan yang dekat ini. Terdapat juga khabar angin bahawa Malaysia bersama-sama Singapura dan Australia akan masing-masing memberi pinjaman AS\$1 bilion untuk membantu Thailand dan ini telah dilihat sebagai sesuatu yang negatif untuk matawang serantau kerana "mereka akan diheret lebih dekat lagi kepada masalah ekonomi Thailand."

Defisit bulanan Malaysia yang terbaru dan paling besar dalam tempoh 17 tahun, mempercepatkan pertumbuhan pinjaman dan pendapatan korporat yang tidak begitu memberangsangkan adalah faktor negatif yang lain.

Peniaga pasaran tukaran wang asing berkata dalam beberapa hari akan datang, mungkin terdapat satu permainan yang mencabar para pemain pasaran tukaran asing untuk menolak turun ringgit dan di paras manakah Bank Negara akan menyekat penurunan itu.

Pada peringkat ini, peniaga percaya bahawa pemain luar pesisir akan menolak ringgit ke paras rendah 2.8, yang akan merupakan paras paling rendah sejak 1973.

Seorang peniaga dengan sebuah bank tempatan berkata ringgit mungkin jatuh ke paras 2.8 dalam masa satu atau dua hari akan datang.

"Ia telah tiba ke paras sebelum pemulihan berkemungkinan," beliau menyatakan pendapatnya, sambil membayangkan kemungkinan campur tangan Bank Negara.

Sesetengah pihak melihat kelemahan pasaran saham dan ringgit sebagai saling berkaitan. Seorang peniaga berkata penurunan pasaran saham "juga mendorong penjualan ringgit kerana peniaga-peniaga luar pesisir menjual saham mereka kemudian menjual ringgit dan membeli dolar AS untuk membawa balik dana-dana mereka."

Seorang peniaga lain berkata kerugian dalam pertukaran wang asing

adalah terlalu tinggi dan inilah sebabnya dana-dana luar pesisir menjual saham mereka.

Nik Din dalam menyetujui sikap para peniaga itu, berkata bahawa para pelabur menjual untuk menyekat kerugian disebabkan ketidak pastian terhadap ringgit.

Ditanya dana asing mana mungkin menjual untuk mengelakkan terus rugi, Nik Din berkata: "Saya tidak tahu, tetapi saya juga telah mendengar desas-desus bahawa dana tempatan akan masuk."

Para penganalisis pasaran saham yang dihubungi hari ini berkata sungguhpun pasaran "amat murah" pada nisbah perolehan harga 15 kali, ini buakanlah masanya untuk membeli.

"Anda tidak boleh berada di pasaran apabila penjualan masih berlangsung," salah seorang daripada mereka berkata.

Para peniaga berkata kemerosotan nilai ringgit yang berterusan, yang melalui paras sokongan yang kritikal, juga mencetuskan penjualan baru berkomputer oleh peniaga-peniaga asing yang telah menyimpan saham-saham mereka dalam penjualan harga murah sebelumnya.

Peniaga-peniaga tempatan juga kelihatan menjual saham-saham mereka, seorang peniaga berkata.

Banyak penganalisis juga tidak sanggup mengambil tanggung jawab bila pasaran saham mungkin melihat pantulan.

"Di atas carta, kami melihat paras sokongan yang teguh pada 880. Jika sebaliknya, paras berikutnya seharusnya 850," kata seorang penganalisis.

Bagi pasaran untuk pulih semula, katanya ia patut mencari asasnya dahulu. "Dan untuk kini, kami tidak melihat satupun," tambahnya.

Seorang penganalisis lain berkata dengan indeks melepasi paras sokongan kritikal dalam masa yang relatif singkat, tekanan jualan dijangka berterusan ke dalam beberapa sesi akan datang. -- BERNAMA

MSL JR OS/sia